

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]
TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO.120

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan universiti awam yang telah mewujudkan tabung wakaf atau tabung *endowment* supaya tidak terlalu bergantung kepada dana Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua 20 buah universiti awam (UA) telah mempunyai tabung *endowment* dan bagi tabung wakaf pula, sebanyak 17 buah UA telah mendapat taraf mutawalli dan nazir khas dari Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing.

Sehingga 30 April 2019, tiga (3) buah universiti iaitu UIAM, UMK, UUM masih belum mendapat kelulusan MAIN secara rasmi. Sehingga 31 Mac 2019, sebanyak RM37,249,484.72 jumlah yang telah dikumpulkan bagi wakaf dan sebanyak RM1,636,640,575.00 bagi tujuan tabung *endowment*.

Sekian, terima kasih.